

Kanser Personaliti

Bahagian Tiga (Terakhir)

Nota: Semua rencana yang telah diterbitkan boleh didapati di www.aliqassem.com



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Mengkritik, perasaan iri hati dan menjatuhkan orang lain demi kepuasan diri adalah kanser yang paling padah dalam emosi manusia.

Mereka adalah saling berkait dan diwujudkan bersama dan akan menimbulkan stres, kemarahan, kebencian, kemurungan yang boleh merosakkan perhubungan dalam apa jua bentuk keadaan.

Manusia yang mempunyai kanser ini adalah yang iri hari, cemburu dan tidak peka terhadap perasaan orang lain dan pada masa yang sama hanya menjaga dan mementingkan perasaan sendiri.

Dalam satu seminar saya yang lepas, salah seorang peserta memberitahu saya bahawa pada suatu hari majikannya memanggil satu mesyuarat penting. Mesyuarat tersebut adalah mengenai idea baru untuk memajukan bisnes dan seterusnya meningkatkan pendapatan syarikat.

Menurut seniornya, peserta saya itu seorang yang setia kepada syarikat, berkeyakinan, rajin bekerja, cerdas dan produktif dan mempunyai banyak ciri-ciri lain yang sememangnya diperlukan oleh syarikat. Dalam kata pendek, dia adalah aset kepada syarikat.

Apabila mesyuarat itu bermula, pengurusnya telah memberikan penghargaan, pujian dan menyatakan rasa terima kasih atas usaha, inisiatif dan sumbangan terhadap syarikat, peserta saya itu berasa gembira dan puashati atas penghormatan yang diberikan.

Namun, CEO telah membuat satu kenyataan yang menjatuhkan kegembiraannya dan membuatnya berasa malu. Menurut peserta saya itu, dia mengatakan CEO memberitahunya bahawa dia tidak perlu berasa gembira dengan pujian yang diberikan dan terdapat lebih seratus atau seribu pekerja lain yang lebih baik dari dia. CEO menambah lagi bahawa jika berbanding dengan sumbangannya dengan pekerja yang lain, sumbangan peserta saya itu tidaklah sebesar manapun.

Secara sengaja atau tidak sengaja, tindakan CEO itu adalah salah. Ceo tersebut telah mengkritiknya dan menjatuhkan maruahnya di hadapan ramai. Walau apapun, CEO telah melakukan satu kesilapan besar dan dia telah menimbulkan satu perkara dalam minda pekerja; letak jawatan.

Kanser menyinggung perasaan atau menjatuhkan maruah orang adalah satu ciri yang sangat negatif (secara sengaja atau tidak sengaja) yang mana akan merendahkan dan merosakkan emosi, harga diri, martabat, kehormatan dan kepercayaan diri seseorang. Mereka yang berbuat demikian adalah orang percaya dia adalah lebih baik dari orang lain, atau mereka takut orang lain lebih baik daripada mereka.

Perilaku sedemikian akan menimbulkan emosi negatif, stres, kemarahan, kebencian yang akan menyebabkan banyak lagi kanser emosi yang lain dan akhirnya tidak dapat diubah kerana sudah set dalam minda.

Orang yang menyinggung perasaan atau menjatuhkan maruah orang atau membuat orang lain rasa bersalah tidak tahu bagaimana hendak menyelesaikan konflik yang ditimbulkannya. Mereka jenis yang tidak peka terhadap perasaan orang lain, tetapi sangat mementingkan perasaan sendiri. Kadang-kadang mereka akan sedar mereka telah melakukan kesilapan dan kemungkinan akan meminta maaf secara peribadi.

Kepada mereka yang pernah dikritik, dijatuhkan maruah atau direndah-rendahkan, inginlah saya ingatkan anda semua bahawa pendapat orang lain tidak semestinya menjadi satu realiti kepada anda.

Anda adalah lebih baik, lebih hebat daripada yang anda fikirkan. Anda mempunyai bakat, kemampuan, kapasiti, kemahiran dan azam yang lebih daripada apa yang anda gunakan sekarang. Apa yang diperkatakan di belakang anda tidak perlu diambil hati jika tiada kebenarannya.

Ingin saya menghadihkan kata-kata dari Mark Twain sebagai dorongan, "Jauhkan diri dari orang-orang kecil yang cuba merendah-rendahkan matlamat anda. Orang-orang

kecil selalu berbuat demikian, tetapi yang benar-benar membuat anda merasa hebat adalah anda juga boleh menjadi yang lebih hebat.”

Kepada mereka yang mengkritik, menjatuhkan maruah orang lain atau merendah-rendahkan orang lain, terimalah nasihat saya. Jika anda ingin mempunyai kadar pusing ganti (turn over) yang rendah, mendapat penghormatan, mencapai produktiviti yang tinggi, galakkan, pujian, penghargaan, insentif dan membuat orang merasa penting serta diperlukan, janganlah jadi orang kecil.

Dalam buku karya Beverly Kaye dan Sharon Jordan-Evans, “Love Em or Lose Em”, telah membuat satu kajian tentang perilaku seseorang pengurus atau orang yang bertanggungjawab yang boleh membuat seseorang pekerja letak jawatan. Kesimpulannya ialah 40% dari hasil kajian mengatakan seseorang pekerja akan letak jawatan apabila majikan mengkritik atau merendah-rendahkan mereka di hadapan orang lain.

Pekerja yang walaupun sememangnya melakukan kesilapan juga akan letak jawatan apabila dikritik di hadapan orang lain, apa lagi kepada mereka yang langsung tidak melakukan apa-apa kesilapan tetapi dikritik di hadapan ramai juga.

Mengkritik orang yang melakukan kesilapan tidak akan menyelesaikan masalah. Cara yang terbaik untuk mengelakkan kesilapan berlaku lagi adalah mengkritik kepada prestasi, bukan orang.

Jika anda melayan seseorang sebagai orang yang kecundang, seseorang itu akan menunjukkan respon sebagai orang yang kecundang. Jika anda melayan seseorang sebagai seorang hero, seseorang itu akan menunjukkan respon sebagai seorang hero, dan dia tidak akan mengecewakan anda.